

Berita Harian
16 January 2018

Sun Income Secure sedia jaminan persaraan

● CIMB sasar produk baru catat premium RM30 juta

Oleh **Nasuha Badrul Huzaini**
nasuha@bh.com.my

CIMB Bank Bhd (CIMB Bank) dan rakan insuransya, Sun Life Malaysia Assurance Bhd (Sun Life Malaysia), memperkenalkan pelan insurans terkini, Sun Income Secure dengan sasaran premium RM30 juta tahun ini.

Ketua Eksekutif dan Presiden Sun Life Malaysia, Raymond Lew, berkata sasaran premium itu bakal dipacu oleh penyertaan antara 2,000 hingga 3,000 pemegang polisi baharu.

"Kami sudah membuat prapelan-lancaran produk terbaru ini pada

Julai tahun lalu dan berjaya mengumpul lebih 600 pelanggan membabitkan jumlah premium sekitar RM11 juta.

"Justeru, kami yakin produk Sun Income Secure ini akan mendapat perhatian pelanggan yang mahukan jaminan kewangan sepanjang hayat," katanya pada sidang media selepas pelancaran produk berkenaan di Kuala Lumpur, semalam.

Yang hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Perbankan Konsumer Kumpulan CIMB, Samir Gupta; Presiden Sun Life Financial Asia, Claude A Accum dan Ketua Pengurusan Kekayaan CIMB Bank Bhd, Gary Yong.

Sun Income Secure adalah pelan penyelesaian bagi membolehkan



(Dari kiri); Yong, Accum, Samir dan Lew pada pelancaran Sun Income Secure di Kuala Lumpur, semalam.



Kami yakin produk Sun Income Secure ini akan mendapat perhatian pelanggan yang mahukan jaminan kewangan sepanjang hayat"

Raymond Lew,
Ketua Eksekutif dan Presiden
Sun Life Malaysia

pelanggan menikmati perlindungan, pelaburan dan pendapatan tahunan yang dijamin dalam satu pelan tunggal untuk perancangan persaraan.

Ia menawarkan beberapa manfaat utama termasuk jaminan pendapatan tahunan sehingga 20 tahun, yang mana pelanggan boleh memutuskan pendapatan tahunan yang ingin diperolehi bermula daripada umur persaraan mereka.

Selain itu, ia menawarkan perlindungan bayaran sekali gus jika berlakunya kematian atau hilang upaya kekal dan sementara.

Sun Income Secure juga memberikan pulangan pelaburan yang berpotensi menerusi pelaburan

dalam dana berkaitan yang diuruskan secara profesional.

Penyelesaian inovatif

Sementara itu, Samir berkata, sejak lima tahun lalu pihaknya menjalin kerjasama dengan Sun Life Malaysia dalam menyediakan pelbagai penyelesaian inovatif yang boleh membantu pelanggannya.

"Produk baharu ini adalah penyelesaian inovatif terbaru yang ditawarkan bagi membantu pelanggan mencapai impian persaraan mereka.

"Kerjasama ini juga adalah sebahagian daripada tawaran holistik untuk menyokong impian pelanggan, dibantu oleh capaian digital yang kami miliki," katanya.